

Garis panduan khazanah hutan bakal dikeluarkan

Oleh NOOR DIANA AZIS

pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 18 JUN

JABATAN Perhutanan Semenanjung Malaysia akan mengeluarkan satu garis panduan mengenai bidang kuasa negeri dalam menguruskan aktiviti pembalakan dan pengeluaran hasil hutan tidak terkaual di negeri masing-masing.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. A. Xavier Jayakumar berkata, garis panduan yang akan dikeluarkan dalam masa terdekat itu turut menyentuh panduan dalam mengeluarkan lesen pembalakan dan menggazet kawasan hutan.

“Garis panduan itu akan menyenaraikan peraturan serta panduan yang boleh menjadi rujukan kerajaan negeri dan kita sedia maklum, hal tanah adalah bidang kuasa mereka, justeru pemberian kuasa, lesen pembalakan dan sebagainya adalah hak negeri.

“Terpulang kepada kerajaan negeri bagaimana mahu menggunakan atau mengeluarkan hasil hutan, namun kita tidak

boleh paksa kalau mereka tidak mahu mengikut garis panduan itu kerana kerajaan Pusat tidak ada kuasa,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas sambutan majlis Kongsi Raya Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli di sini hari ini.

Mengulas lanjut beliau berkata, garis panduan berkenaan antara lain menyentuh mengenai kawalan bagi pengeluaran hasil hutan termasuk larangan di kawasan sensitif seperti tadahan air.

“Garis panduan itu juga akan mengambil contoh negeri Selangor yang tidak memberikan kuasa kepada Exco negeri membuat keputusan sebaliknya perlu merujuk Jawatankuasa Khas Siasatan Awam iaitu satu badan bebas yang membuat keputusan dalam isu berkaitan tanah dan hasil hutan sebelum membuat pendengaran awam.

“Oleh itu kerjasama antara



A. XAVIER JAYAKUMAR

kerajaan negeri dan Pusat amat perlu bagi menjayakan garis panduan ini, jika tidak, selamalamanya kerajaan negeri akan kata kuasa mereka untuk tentukan keadaan hutan dan hutan mana hendak diwartakan,” katanya.

Dalam pada itu beliau turut memaklumkan, pihaknya

juga akan mencadangkan pindaan terhadap Akta Perhutanan Negara 1984 bagi membolehkan garis panduan tersebut dimasukkan ke dalam akta berkenaan.

Akhbar baru-baru ini melaporkan, sekurang-kurangnya tiga lokasi di Jalan Jemaluang-Mersing, Johor dikesan semakin gondol akibat kerja-kerja pembalakan selain menunjukkan lokasi terbabit berada di kawasan sekitar Hutan Simpan Lenggong dan Gunung Arong.

Kawasan pembalakan membabitkan hutan seluas lebih 30 hektar itu dipercayai telah dijalankan sejak kira-kira lima tahun lalu.